



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : QMS 00794



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO. : ISMS 00150

Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B8(13)

Tarikh : 1 Jun 2021

PEKELILING BURSAR BIL. 2 TAHUN 2021

PELAKSANAAN PEROLEHAN KERTAS A4 PUTIH 80 GSM MELALUI KONTRAK PUSAT

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk melaksanakan perolehan kertas A4 melalui kontrak pusat untuk tempoh tiga (3) tahun mulai **1 Jun 2021 hingga 31 Mei 2024**.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Bursar Bil. 3 Tahun 2019 bertarikh 1 November 2019 telah memaklumkan mengenai perolehan kertas A4 yang perlu dilaksanakan melalui kontrak pusat sebagai pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 – Kaedah Perolehan Kerajaan.

3. Selaras dengan program Transformasi Perbendaharaan, langkah penjimatan dan mengoptimumkan perbelanjaan, Kementerian Kewangan telah memperbaharui Kontrak Pusat bagi pembekalan kertas A4 putih 80gsm dengan melantik syarikat yang baharu untuk membekal kertas putih 80gsm dengan harga **RM11.60** bagi satu (1) rim berbanding dengan RM12.40 bagi satu rim sebelum ini. Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penyimpanan, kos penghantaran dan fi ePerolehan.

PESANAN BELIAN

4. Semua Pesanan Belian hendaklah dibuat terus kepada pihak Syarikat yang dilantik bagi tempoh yang baharu seperti berikut :-

Auto Trance Services Sdn. Bhd.[200601003887 (723634-D)]
No. Kontrak: PERB/PK/1/2021
No.18, Jalan PJS 11/5
Bandar Sunway, Petaling
46150 Sunway
SELANGOR
No. Tel : 03 – 8066 2541
No. Faks : 03 – 8068 9241
Emel : ats.gova4paper@gmail.com

5. PTJ adalah dibenarkan untuk membuat perolehan daripada mana-mana syarikat selepas kajian pasaran dilakukan bagi keperluan kurang daripada 50 rim. Walaubagaimanapun PTJ adalah dilarang untuk memecah kecil perolehan ini dan perolehan kertas hendaklah dirancang dengan baik.

6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan oleh itu, Pekeliling Bursar Bi. 3 Tahun 2019 adalah dibatalkan.

7. Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian 03-9769 3563/6239/6219 jika terdapat sebarang pertanyaan.

Kerjasama Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan dalam memastikan pekeliling ini dipatuhi amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZULKIFLEE BIN OTHMAN
DPMS, SIS
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU